



Star



Urban · Versatil

Atendan hospital pengsan, dakwa lihat makhluk merangkak terbalik! Pelik CCTV gagal rakam semasa kejadian




Terserempak dengan kelibat makhluk aneh, mampu membuatkan seseorang ketakutan hingga pengsan.



Tugas atau urusan berkaitan penyeliaan di hospital seboleh-bolehnya mahu dielakkan oleh Ahmad.

Sebagai pembantu kesihatan atau atendan di sebuah hospital, Ahmad lebih selesa menjalankan tugasan rutin seperti membantu memandikan pesakit, menukar cadar, menyelia pesakit untuk rawatan, tugasan di makmal dan, lain-lain.

Namun malam ini, dia tidak mempunyai pilihan dan, terpaksa membuat rondaan di kawasan wad dan koridor hospital memandangkan dua rakan setugasnya sedang bercuti.



Bermula di jabatan kecemasan, kemudian forensik, Ahmad meneruskan rondaan di unit patologi dan rehabilitasi.

Tiba-tiba dalam perjalanan ke unit rehabilitasi, pengawal keselamatan yang bertugas di kaunter tengah iaitu Syahrul menegurnya.




Salah satu rutin seorang
atendan adalah mengawal selia
unit-unit tertentu di hospital.

"Encik Mat. Tadi saya nampak ada anjing masuk dalam kawasan hospital. Saya nak halau tapi dia sempat lari ke unit hemodialisis."

"Lepas tu saya dah tak nampak dah dia pergi mana? Nanti encik tolong buatkan laporan ye." kata Syahrul.

Mendengar laporan itu, Ahmad segera berjalan ke unit hemodialisis untuk meninjau keadaan di sana.

Lampu koridor di sayap bangunan hospital di Sarawak itu malap dan, suasana agak sunyi kerana waktu sudah menghampiri ke tengah malam.



Ahmad melangkah perlahan-lahan sambil memerhati keadaan sekeliling, bimbang jika anjing yang disebut oleh Syahrul masih berada di situ.



Ketika melalui kawasan koridor belakang, dari cahaya malap, Ahmad ternampak kelibat seperti binatang.


"Mampus! Macam mana ada binatang masuk dalam kawasan hospital ni? Pening nak menjawab nanti." getusnya di dalam hati.

Ahmad segera menghidupkan lampu suluh yang dibawa bersama dan menghalakan ke arah laluan tengah koridor.

Serentak dengan itu, mulut Ahmad hanya mampu melaungkan "*Allahu akbar!*" apabila cahaya lampu suluhnya tepat menyuluh ke arah satu susuk tubuh aneh di hujung koridor, berhampiran pintu bilik rawatan yang tidak digunakan.

Degupan jantungnya laju, dadanya terasa seakan mahu pecah, pandangan matanya terus gelap dan, dia terus rebah.

Ahmad hanya sedar sejam kemudian di atas katil di sebuah bilik rawatan berhampiran kaunter tengah.





Hospital sering dikaitkan
dengan kisah mistik.

Sambil memandang Syahrul dan seorang lagi pengawal keselamatan yang bergelar Haji Wahid; Ahmad menceritakan kejadian yang dialaminya sambil terketar-ketar.

"Aku nampak satu makhluk berambut panjang macam manusia. Tapi yang peliknya, bentuk dia macam manusia yang merangkak terbalik."

"Matanya merah dan memandang tepat ke arah aku... lepas tu aku tak ingat apå dah." ujar Ahmad.

Keesokannya, Ahmad diserang demam panas dan dia diberi cuti sakit sehingga lima hari.

Apa yang menghairankan? Pada malam kejadian itu juga kamera litar tertutup (CCTV) di kawasan koridor unit hemodialisis mengalami gangguan rakaman selama lima minit, tepat pada waktu Ahmad menceritakan dirinya ternampak makhluk tersebut. *– mStar*